

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 JUNE 2017

SEDIA JADI PERDANA MENTERI

Tun M beri isyarat keras kepada Pakatan Harapan

BH - 4/6/2017 Pg. 8

Kuala Lumpur: Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang sedia mempertimbang kembali ke jawatan Perdana Menteri adalah isyarat keras kepada pemimpin Pakatan Harapan (PH) yang bertegas mahu Datuk Seri Anwar Ibrahim di kedudukan itu.

Pakar geostrategis, Azmi Hassan, berkata jika pemimpin PH tetap dengan pendirian untuk mengangkat Anwar sebagai pemimpin nombor satu, Dr Mahathir juga mampu berkeras dengan mencalonkan diri sendiri ke jawatan itu.



Azmi Hassan

Beliau yakin kenyataan terbaru Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang dimalukan dengan plakad 'Anwar PM Ke-7' pada Konvensyen PKR bulan lalu adalah satu usaha untuk menyanggah kehendak kepemimpinan PH.

Tun M tak mahu mengalah

"Isu calon Perdana Menteri antara PH dan PPBM kini berlarutan dan memasuki fasa lebih menarik kerana Dr Mahathir dilihat tidak mahu mengalah.

"Pemimpin pembangkang menyifatkan tiada manfaat kepada mereka

jika diura-urakan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri kerana ia akan menonjolkan niat sebenar serangan beliau terhadap Datuk Seri Najib Razak adalah untuk merampas jawatan yang pegang dipegang selama 22 tahun," katanya.

Era sudah berlalu

Khamis lalu, Dr Mahathir menyatukan kesediaannya mempertimbangkan jawatan Perdana Menteri jika dicadang dan dipersetujui pemimpin PH.

Mengulas kemampuan bekas Perdana Menteri itu untuk kembali ke jawatan yang dilepaskan pada 2003, Azmi berkata, era Dr Mahathir sudah berlalu berikutan pendekatan dan cara memimpin dulu tidak lagi boleh diguna pakai dalam keadaan senario politik, sosioekonomi negara sudah jauh berubah.

"Jika difikirkan kembali apabila soalan pemilik akaun Facebook digunakan sebagai alasan, maka mungkin juga niat Dr Mahathir menjawat jawatan Perdana Menteri sekali lagi sememangnya ada," katanya.